

# Harian NASIONAL

## PM dan isteri serikan majlis

BH 25 OCT 1985

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Datin Seri Paduka Dr Siti Hasmah hari ini memeriahkan suasana perayaan ulang tahun ke-40 Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) apabila mereka menyertai 350 kanak-kanak pelbagai bangsa menyanyikan lagu

'We are The World'. Menteri-menteri kabinet, duta-duta dan perwakilan asing, wakil PBB dan tetamu-tetamu lain turut menyanyikan lagu itu sambil melambai-lambaikan tangan mereka.

### Merpati

Nyanyian itu adalah acara kemuncak sambutan ulang tahun PBB anjuran Persatuan Bangsa-Bangsa Bersatu

Malaysia, di Bangunan Parlimen di sini. Nyanyian itu diiringi oleh Kombo Polis Diraja Malaysia.

Lagu 'We are The World', dicipta khas oleh penyanyi terkemuka, Michael Jackson dan Lionel Ritchie dan dinyanyikan oleh rakyat di seluruh negara sempena kempen membantu mangsa kebuluran rakyat Afrika.

Upacara simbolik itu, yang disertai oleh ka-

nak-kanak beberapa sekolah rendah dan menengah sekitar ibu negara dan Petaling Jaya, membayangkan hasrat masyarakat antarabangsa mencari keamanan dan kedamaian dunia sejajar dengan tema perayaan 'Untuk masyarakat antarabangsa yang lebih sempurna' (For a better World).

Sempena sambutan itu juga, Perdana Menteri dan isteri melepaskan 159 ekor burung merpati putih. Burung-burung itu melambangkan 159 negara yang menganggotai PBB.

Serentak upacara itu, lagu 'We are The World' sekali lagi dinyanyikan dan diiringi oleh Kombo Tentera Udara Diraja Malaysia.

Turut hadir ialah beberapa anggota Tentera Malaysia yang berkhidmat di bawah panji-panji PBB di Congo pada 1960